



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

PRESIDEN PPJ EDAR 2,000 UNIT JALUR GEMILANG KEPADА KAKITANGAN PERBADANAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 14 Ogos 2024 – Sejumlah 2,000 unit Jalur Gemilang telah diedarkan kepada kakitangan Perbadanan Putrajaya hari ini bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya. Majlis edaran ini telah disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud. Turut hadir sama adalah Naib-Naib Presiden Jabatan dan Pengarah-Pengarah Bahagian.

Majlis edaran ini diadakan bertepatan dengan pemilihan Putrajaya sebagai lokasi penganjuran sambutan Hari Kebangsaan 2024 dan dianjurkan bertujuan untuk menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan serta meningkatkan semangat patriotik serta cintakan negara dalam kalangan kakitangan PPj. Sempena majlis ini, YBhg' Dato' Presiden turut melekatkan Jalur Gemilang di kenderaan-kenderaan milik Perbadanan Putrajaya.

Selain itu, PPj telah memasang 1,544 unit Jalur Gemilang di jalan-jalan protokol, bangunan kemudahan awam di bawah seliaan PPj seperti di premis makanan (medan selera), perumahan awam, kompleks-kompleks kejiranan dan pasar awam. Sejumlah 15,500 unit bendera turut diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri (2,500 unit bendera tangan) dan komuniti Putrajaya (12,000 unit bendera dan 1,000 unit bendera tangan). Menjadikan jumlah keseluruhan bendera yang diedarkan oleh PPj sebanyak 19,044 unit.

(SITI FADILAH BINTI RAMLI)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya